

**ASAS PERTIMBANGAN KELULUSAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH, SISA PEPEJAL AWAM, SISA PEPEJAL KEINSTITUSIAN AWAM DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA PEPEJAL ISI RUMAH.**

**Sisa Baki.**

***ASAS PERTIMBANGAN YANG DINYATAKAN HANYA MERUPAKAN KRITERIA UMUM KELULUSAN LESEN YANG MERUPAKAN RUJUKAN KEPADA PERMOHONAN SEBELUM MEMOHON LESEN. ASAS PERTIMBANGAN BERDASARKAN SETIAP SKIM PERMOHONAN.***

1. Ketepatan maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan (sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan didapati PALSU maka permohonan akan ditolak secara automatik).
2. Bebas daripada mana-mana kesalahan undang-undang berkaitan sisa pepejal, undang-undang berkaitan rasuah dan kesalahan lain yang boleh dihukum penjara (terhadapnya sahaja atau tambahan atau gantian terhadap denda) bagi tempoh lebih 2 tahun.
3. Keupayaan kewangan iaitu purata penyata tiga bulan terakhir dan kemudahan kredit tidak kurang **RM2,500** bagi setiap skim yang dipohon.
4. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang berkaitan pengurusan sisa pepejal.
5. Mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (tidak kurang 23 pekerja bagi setiap skim).
6. Mempunyai depoh.
7. Mempunyai bilangan kenderaan yang mencukupi (7 lori kompaktor bagi setiap skim).
8. Mempunyai pelan perkhidmatan kerja.